

Perhilitan rancang pindah gajah liar

KOSMO-18
19/7

JOHOR BAHRU - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri Johor sedang merancang pelan pemindahan untuk sekumpulan gajah yang mengancam penduduk di Kampung Lukut, Kota Tinggi ke Taman Negara Endau Rompin tidak lama lagi.

Pengarahnya, Jamalun Nasir Ibrahim berkata, pihaknya memerlukan sedikit masa lagi bagi merangka pelan tersebut kerana melibatkan bi-

langan gajah yang banyak sehingga 15 ekor.

"Lebih kurang 15 ekor gajah dikesan berkeliaran antara Hutan Panti dan kampung terbabit, kumpulan gajah tersebut pula berpecah kepada beberapa kelompok yang lain. Oleh itu, kita perlu kenal pasti lokasi haiwan liar itu termasuk merangka kekuatan anggota dan logistik yang diperlukan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Jamalun Nasir, punca kumpulan gajah terbabit berkeliaran di kampung itu kerana habitat asal mereka di sekitar Hutan Panti yang telah diganggu akibat penerokaan hutan untuk aktiviti pertanian.

Kosmo! semalam melaporkan mengenai kebimbangan penduduk di Kampung Lukut dekat sini yang ketakutan ekoran kehadiran sekumpulan gajah di kampung itu sejak beberapa bulan lalu.